



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
PEMIMPIN DAN ILMU



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"PEMIMPIN DAN ILMU".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ خَلِيفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٦٥﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga dengan demikian, kita akan terus diberi petunjuk, dipimpin dan dinaungi rahmat dan reda Allah SWT.</p>	5
<p>Khutbah kita pada hari ini bertajuk "PEMIMPIN DAN ILMU."</p> <p>Hadirin sekalian,</p>	6



Hadis daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا كُنتُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

"Ketahuilah bahawa setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan atas kepimpinannya."

(Hadis Muttafaq Alaih).

7

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Islam menegaskan tentang peranan dan fungsi setiap manusia sebagai pemimpin dan pengurus bagi segala urusan yang diamanahkan kepadanya. Kepimpinan adalah amanah meletakkan seseorang manusia itu sebagai calon ujian yang akan ditentukan kedudukan dan pencapaiannya di sisi Allah SWT .

8

Firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 14:

ثُمَّ جَعَلْنَاكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ مِنْ بَعْدِهِمْ لِنَنْظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

9

"Kemudian Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) khalifah-khalifah di bumi menggantikan mereka yang telah dibinasakan itu, supaya Kami melihat apa pula corak dan bentuk kelakuan yang kamu akan lakukan".

10



Demi memastikan pengurusan dan kepimpinan yang mendapat penilaian yang terbaik di sisi Allah SWT, serta menyelamatkan kita dari kecelakaan di akhirat, kita hendaklah melengkapkan diri dengan persiapan sebagai pemimpin. Persiapan yang paling diperlukan adalah ilmu pengetahuan, khususnya, ilmu yang berkait dengan peranan sebagai seorang pemimpin. Kita tidak cukup sekadar mempunyai kemahiran teknikal dan pengurusan yang berkaitan dengan bidang kita sahaja. Ini kerana, kesudahannya kelak kita bukan sahaja disoal oleh majikan, rakyat, ketua, juruaudit, bahkan kita akan disoal oleh Allah yang mencipta kita dan yang meletakkan kita dengan tugas-tugas tertentu sebagai salah seorang manusia yang hidup bermasyarakat.

11

Khalifah Umar bin al-Khattab Radiallahuanhu telah mengingatkan kita tentang perlunya ilmu sebelum menjadi pemimpin. Beliau menegaskan:

تَفَقَّهُوا قَبْلَ أَنْ تُسَوِّدُوا

"Hendaklah kamu belajar menjadi faqih sebelum kamu dilantik menjadi pemimpin".

(Riwayat Al-Bukhari).

12

Keperluan mempersiapkan diri dengan ilmu ini bukan sekadar untuk menjayakan kepimpinan dan manfaat umat sahaja. Bahkan, kita lebih kerap diingatkan tentang kehancuran dan kemusnahan yang berlaku adalah natijah daripada kejahilan manusia yang menjadi pemimpin sedangkan peranan kepimpinan yang sebenar adalah mengurus manusia dan alam ini dengan ilmu berpandukan syariat Allah SWT.

13



Islam memerlukan pemimpin yang menguasai ilmu agama dan ilmu kepimpinan. Sekiranya pemimpin tersebut hanya menguasai ilmu agama, wajiblah ia menguasai ilmu-ilmu kepimpinan atau politik. Sebaliknya sekiranya pemimpin tersebut hanya menguasai ilmu kepimpinan atau politik, wajib pulalah ia menguasai ilmu agama atau mendampingi dan mendapat nasihat daripada orang-orang agama. Maka tidak wajar ada ilmu agama dan ilmu politik tetapi tidak mengamalkannya.

14

Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda;

فَإِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ، قَالَ: كَيْفَ إِضَاعَتُهَا، قَالَ: إِذَا
وُسِّدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ، فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ!.

15

*"Apabila amanah dipersia-siakan, tunggulah saat kehancuran (hari kiamat)!"
Badwi itu bertanya lagi: "Bagaimanakah amanah itu dipersia-siakan?" Jawab
baginda: "Apabila diserahkan urusan kepimpinan kepada orang yang bukan ahlinya
(tidak layak), maka tunggulah saat kehancuran (hari kiamat)".*

16

(Riwayat al-Bukhari).



Dalam hadis yang lain pula, baginda mengingatkan kita tentang bahaya terhadap ummah apabila mempunyai pemimpin yang jahil. Daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ، وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ، حَتَّى إِذَا لَمْ يُبْقِ عَالِمًا، اتَّخَذَ النَّاسُ رُءُوسًا جُهَالًا، فَسُئِلُوا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا.

17

"Sesungguhnya Allah tidak mengangkat ilmu dengan mencabutnya dari (dada) hamba-hambanya. Tetapi Dia mencabut ilmu dengan mencabut (nyawa) para ulamak. Hingga bila sudah tidak ditinggalkan sesiapa lagi yang alim (berilmu), manusia melantik orang-orang jahil menjadi pemimpin. Bila mereka ditanya, mereka membuat keputusan tanpa ilmu. Mereka sesat dan menyesatkan orang lain pula".

(Riwayat Al-Bukhari).

18

Sejarah telah mencatatkan bahawa generasi awal Islam telah memilih pemimpin mereka dalam kalangan orang yang berilmu dan memahami tanggungjawab agamanya. Lihatlah kepada para *khulafa' al-rasyidin* yang menggantikan Rasulullah SAW memimpin umat. Mereka adalah orang-orang yang paling alim dalam kalangan para sahabat. Demikian juga khalifah Umar bin Abdul Aziz yang terkenal dengan keadilannya itu, beliau juga seorang alim yang sangat memahami urusan dan hukum hakam Islam.

19



Dalam sejarah kita di negeri Selangor, sultan juga bukan sekadar mendampingi ulama dan cinta kepada ilmu agama. Mereka juga berkecimpung dengan ilmu agama, malah baginda juga terlibat secara langsung menjadi khatib dan imam. Contohnya Sultan Alauddin Sulaiman Shah, sultan Selangor yang ke 6 telah menulis 2 buah kitab "*Pohon Agama*" yang dijadikan buku teks di sekolah-sekolah agama ketika itu.

20

Ini menggambarkan kecintaan baginda kepada ilmu dan tahap keilmuan baginda dalam Islam. Sejarah juga merakamkan bahawa baginda sering menyampaikan khutbah Jumaat, khutbah hari raya di atas mimbar Masjid Alaeddin Kuala Langat.

Ilmu itu mestilah difahami, dirasa dan diamalkan hingga dapat dihayati dalam kehidupan. Pemimpin masa kini dan masa depan wajib mencontohi kehebatan pemimpin masa lalu. Sebagai seorang pemimpin Muslim mereka hendaklah memahami ilmu tauhid, fekah dan akhlak. Jika pemimpin kuat akidah tetapi tidak solat maka tidak layak menjadi pemimpin. Jika pemimpin kuat solat tetapi mempunyai akhlak yang buruk seperti suka menyebarkan fitnah dan mengamalkan rasuah pun tidak layak menjadi pemimpin. Oleh itu, pemimpin yang kuat pegangan akidah, amalan syariah yang istiqamah dan berakhlak yang mulia adalah pemimpin yang layak dan sesuai untuk menjadi contoh dan dihormati oleh rakyat.

21

Sebagai mengakhiri khutbah Jumaat pada hari ini, marilah sama-sama kita memberi tumpuan dan perhatian kepada beberapa tausiah berikut:

1. Setiap pemimpin hendaklah sentiasa menuntut dan mengamalkan ilmu fardu ain dan fardu kifayah sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT.
2. Pemimpin yang berilmu tanpa amal akan tersesat dan pemimpin yang beramal tanpa ilmu adalah menyesatkan.
3. Setiap pemimpin akan dipersoalkan di akhirat tentang kepimpinannya dan apa yang dia pimpin.

22



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَعَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾</p>	23
<p><i>“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.”</i></p> <p>(Al-Hajj : 41)</p>	24
<p>بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22